

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

CSD402 - Sistem Maklumat Lanjutan

Tarikh: 15 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari

(3 jam)

Terdapat empat soalan. Jawab mana-mana TIGA soalan.

Semua soalan MESTI dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'pendekatan sistem' berbanding dengan 'pendekatan klasikal' bagi sesuatu organisasi?

(15/100)

- (b) Apakah skop dan tujuan suatu Sistem Maklumat Pengurusan (MIS)? Bincangkan dengan memberi keterangan mengenai setiap sebutan dalam 'M-I-S'.

(15/100)

- (c) Apakah kriteria-kriteria yang harus dipenuhi atau di ambilkira dalam perancangan dan pembangunan suatu 'MIS'?

(15/100)

- (d) Mengapakah urusan-urusan di hari ini sering dikatakan sebagai semakin kompleks sehingga bantuan komputer perlu dibekalkan? Bincangkan sebab-sebab utamanya.

(30/100)

- (e) Pengarah suatu syarikat pengeluaran makanan bertin baru-baru ini telah berkata, "Sistem Maklumat kami memberikan kelebihan yang kami perlu untuk sentiasa berada di hadapan saingan-saingan kami". Terangkan cara-cara bagaimana suatu sistem maklumat dapat memberikan kelebihan kompetitif kepada syarikat ini.

(25/100)

2. (a) Dalam perancangan sesuatu sistem maklumat (ISP) apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan "perancangan atas-bawah, pembangunan bawah-atas"?

(15/100)

- (b) Berikan keterangan ringkas mengenai setiap yang berikut (berkaitan dengan kajian ISP):

- (i) Proses Urusan
- (ii) Kelas Data
- (iii) Senibina Maklumat
- (iv) Pengurusan Sumber Maklumat (IRM)

(35/100)

- (c) Dalam menentukan prioriti/keutamaan pembangunan subsistem-subsistem dalam suatu kajian ISP, nyatakan faktor-faktor utama yang harus diambilkira.

(25/100)

- (d) Pendekatan/metodologi yang biasa diambil untuk suatu kajian ISP selalunya berdasarkan kepada kaedah yang dicadangkan oleh IBM, iaitu kaedah 'Business Systems Planning' (BSP). Kadangkala, bukan semua yang dicadangkan dalam BSP sesuai bagi sesuatu organisasi. Bincangkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kaedah BSP dan keadaan-keadaan dalam mana mereka tidak sesuai dan mengapa.

(25/100)

3. (a) Bincangkan kepentingannya diadakan suatu 'Perancangan Muatan' bagi sesuatu pusat komputer.

(20/100)

- (b) Nyatakan faktor-faktor utama yang harus diambilkira semasa kajian suatu perancangan muatan.

(15/100)

- (c) Bincangkan hubungan antara prestasi sistem dengan setiap yang berikut:

- (i) memori utama
- (ii) penggunaan saluran
- (iii) penggunaan peralatan Input/Output
- (iv) terminal

Iaitu, bincangkan dari segi kesannya kepada masa respons/sambutan apabila faktor-faktor tertentu diubah. Nyatakan mengapa. Juga bincangkan implikasinya kepada prestasi sistem pada keseluruhannya.

(30/100)

- (d) Andaikan anda diberikan tanggungjawab untuk mendapatkan suatu sistem komputer mini dalam lingkungan kuasa sistem VAX750. Nyatakan secara ringkas bagaimana anda akan jalankan tugas ini. Nyatakan juga pertimbangan-pertimbangan utama yang harus diambilkira dalam perolehan dan pemasangan sistem seperti ini.

(35/100)

4. (a) Dalam konteks Sistem Perolehan Maklumat, berikan keterangan ringkas mengenai setiap sebutan berikut:

- (i) pengindeksan
- (ii) pemberat
- (iii) model ruang vektor
- (iv) pertanyaan Boolean

(30/100)

(b) Penilaian prestasi sesuatu Sistem Perolehan Maklumat adalah suatu perkara yang penting dan agak kompleks. Bincangkan faktor-faktor yang harus diambilkira dalam penilaian ini.

(20/100)

(c) "Maklumat ialah kuasa". Bincangkan.

(20/100)

(d) Bagi suatu negara yang diklasifikasikan sebagai masih membangun, seperti Malaysia, bincangkan cabaran-cabaran yang dikemukakan oleh sains dan teknologi komputer.

(30/100)

...ooOoo...